



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INISIATIF ASEAN LESTARI DALAM KEPENGERUSIAN ASEAN 2025

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari (GPPIAL) disediakan sebagai rujukan untuk semua Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat dalam penganjuran program-program semasa Malaysia menjadi Penggerusi ASEAN pada tahun 2025. Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan, menggalakkan dan meningkatkan kesedaran di kalangan negara anggota ASEAN mengenai kepentingan kelestarian, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- 1.2 Inisiatif ini merupakan langkah penting untuk memastikan penganjuran program dilakukan dengan cara yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Inisiatif GPPIAL bukan sahaja bertujuan untuk memastikan penganjuran program yang mampan tetapi juga berfungsi sebagai model bagi negara anggota ASEAN dalam melaksanakan amalan kelestarian. Dengan fokus pada pengurangan jejak karbon, penggunaan sumber yang cekap dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab, inisiatif ini akan membantu mencapai visi ASEAN yang lebih lestari dan inklusif menjelang tahun 2030.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Komitmen Malaysia terhadap kelestarian alam sekitar jelas melalui pelbagai dasar dan inisiatif yang dirancang untuk menangani isu-isu kritikal seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pengurusan sumber semula jadi. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan berusaha memastikan bahawa sumber alam dapat diwarisi oleh generasi akan datang dengan cara yang lestari.
- 2.2 YAB Perdana Menteri telah menekankan kepentingan pelaksanaan inisiatif lestari dalam program-program yang akan dianjurkan semasa Malaysia menjadi Penggerusi ASEAN pada tahun 2025. Dalam Mesyuarat

Khas Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan bagi Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, beliau menyatakan bahawa setiap kementerian, jabatan, dan agensi perlu mempunyai Garis Panduan yang jelas untuk memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan.

- 2.3 Inisiatif GPPIAL ini bertujuan untuk menyokong agenda nasional Malaysia dalam pelbagai bidang seperti peralihan dan kecekapan tenaga, pengurusan sisa dan perubahan iklim. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia komited untuk mempercepatkan peralihan tenaga bersih dan mempromosikan amalan kelestarian di kalangan pihak berkepentingan yang terlibat dalam penganjuran program-program ASEAN.
- 2.4 Inisiatif GPPIAL menekankan pentingnya amalan perolehan hijau yang berlandaskan kriteria khusus seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0. GGP 3.0 bertujuan untuk menggalakkan amalan perolehan yang mesra alam di kalangan agensi Kerajaan dan mendorong penggunaan produk serta perkhidmatan yang mempunyai kesan minimum terhadap alam sekitar sepanjang kitaran hayat mereka.

3. SKOP

- 3.1 Inisiatif ASEAN Lestari melalui rangka kerja pelaksanaan di bawah GPPIAL akan dilaksanakan sepanjang tahun 2025, merangkumi penganjuran program dan sesi mesyuarat berkaitan ASEAN oleh setiap kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan semua program yang dianjurkan dilaksanakan dengan cara yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Dengan langkah-langkah ini, GPPIAL tidak hanya memastikan penganjuran program yang mampan tetapi juga menyumbang kepada usaha kolektif ASEAN dalam mencapai pembangunan lestari menjelang tahun 2030. Pelaksanaan GPPIAL meliputi pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas program atau sesi mesyuarat.
- 3.2 Pemakaian Garis Panduan ini tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa dan tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa.

4. TAKRIFAN

4.1 Takrifan bagi tujuan garis panduan ini adalah seperti berikut:

Kementerian/ Jabatan/Agensi : Semua kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun, Persekutuan dan Syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Program : Mesyuarat, program, aktiviti, persidangan, konvensyen, jamuan makan, lawatan, majlis rasmi atau apa jua program yang berkaitan dengan Kepengerusian ASEAN 2025.

5. PANDUAN INISIATIF ASEAN LESTARI

Semua Kementerian, Jabatan, dan Agensi yang bertindak sebagai pengajur program berkaitan ASEAN hendaklah memastikan pelaksanaan inisiatif berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari (GPIAL). Berikut adalah langkah-langkah pelaksanaan yang digariskan:

5.1 SEBELUM PROGRAM / MESYUARAT

1. Penyediaan Dokumen:

Semua dokumen mesyuarat berkaitan ASEAN perlu disediakan dalam format digital seperti PDF, DOCX dan lain-lain yang lengkap dan mudah diakses.

2. Penjanaan Kod QR:

Menggunakan aplikasi penjana kod QR seperti *QR Code Generator* yang mengandungi pautan kepada dokumen mesyuarat yang boleh diakses oleh semua peserta mesyuarat dengan cepat dan efisien.

3. Pengedaran Kod QR:

Kod QR dikemukakan kepada semua peserta melalui e-mel atau platform komunikasi lain dan dipaparkan di lokasi mesyuarat. Ini dapat memastikan akses yang mudah dan cepat kepada dokumen mesyuarat.

4. Pendidikan Peserta:

Memberikan penerangan kepada peserta tentang cara penggunaan kod QR untuk mengakses dokumen serta menyediakan panduan ringkas jika perlu.

5. Maklum Balas dan Penambahbaikan:

Menyediakan medium untuk mendapatkan maklum balas daripada peserta bagi tujuan penambahbaikan. Ini membolehkan pihak pengajur mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan proses tersebut serta dapat membantu dalam meningkatkan pengalaman peserta dan penambahbaikan untuk mesyuarat akan datang.

6. Menggalakkan penggunaan atau penyediaan lencana nama dan lanyard peserta atau urusetia yang dibuat daripada bahan kitar semula adalah langkah yang baik untuk menyokong kelestarian dan mengurangkan sisa.

7. Pemilihan lokasi program dan penginapan

- i. Menggalakkan pemilihan lokasi yang mempunyai pensijilan hijau seperti *Leadership in Energy and Environmental Design* (LEED), *Green Building Index* (GBI), atau *Building Energy Intensity* (BEI) adalah langkah penting dalam menunjukkan komitmen terhadap kelestarian. Pensijilan ini menilai dan mengiktiraf bangunan yang direka untuk mencapai kecekapan tenaga, pengurusan sisa yang baik, penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar serta langkah-langkah penjimatan air.
- ii. Pemilihan lokasi program atau hotel penginapan yang memiliki kemudahan stesen pengecas EV jenis *Alternating Current* (AC) atau *Direct Current* (DC) adalah langkah strategik dalam menyokong penggunaan kendaraan elektrik.
- iii. Dengan menggalakkan pemilihan lokasi dan penyedia perkhidmatan yang berdekatan, pelepasan gas rumah kaca dari kenderaan pengangkutan dapat dikurangkan secara signifikan.
- iv. Pemilihan penyedia perkhidmatan tempatan seperti katering, pengangkutan dan logistik adalah langkah strategik yang dapat memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat dan ekonomi

tempatan. Memilih penyedia perkhidmatan tempatan bukan sahaja memberikan manfaat ekonomi tetapi juga menyokong kelestarian alam sekitar dan memperkuuh jaringan sosial dalam komuniti.

8. Penglibatan peserta

- i. Penganjur mesyuarat perlu mengambil langkah awal untuk memastikan semua peserta memahami inisiatif kelestarian yang akan dilaksanakan.
- ii. Sebelum mesyuarat, maklumat mengenai inisiatif kemampunan dikemukakan melalui e-mel atau platform komunikasi lain kepada semua peserta mesyuarat. Sertakan dokumen atau panduan yang menerangkan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan mesyuarat berlangsung secara lestari.
- iii. Mengadakan sesi penerangan pada awal mesyuarat untuk menjelaskan inisiatif kemampunan, termasuk penggunaan kod QR, pengurangan kertas dan pemilihan sumber tempatan.
- iv. Peserta juga perlu digalakkan untuk terlibat dalam perbincangan berkaitan kaedah untuk menyokong inisiatif kemampunan semasa mesyuarat dan dalam aktiviti harian.
- v. Menggalakkan peserta untuk memakai baju batik sebagai tanda sokongan terhadap budaya tempatan dan inisiatif kemampunan.

9. Penyelesaian Digital Dalam Perkongsian Dokumen Program

- i. Pemakluman lebih awal kepada peserta dibuat tentang keperluan untuk membawa komputer peribadi dan peranti mudah alih. Ini bagi memastikan bahawa semua peserta bersedia dan dapat mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat. Langkah ini juga menyokong inisiatif kemampunan dengan mengurangkan penggunaan kertas dan mempromosikan penggunaan teknologi digital.
- ii. Menyediakan semua dokumen program seperti agenda, slaid pembentangan dan bahan program dalam format digital serta menggunakan platform dalam talian untuk tujuan perkongsian dokumen. Ini merupakan langkah yang berkesan bagi

memastikan semua peserta mempunyai akses kepada maklumat yang diperlukan sebelum mesyuarat bermula.

- iii. Menggunakan aplikasi atas talian untuk penganjuran mesyuarat secara maya atau hibrid (sekiranya bersesuaian) adalah cara yang efektif bagi meningkatkan pengalaman peserta dan memastikan semua peserta dapat terlibat secara aktif dalam perbincangan.

10. Perkongsian dan Penajaan

- i. Menggalakkan kerjasama dengan (*Non-Governmental Organization*) dan CSO (*Civil Society Organization*) dalam inisiatif perlindungan alam sekitar dengan memanfaatkan kepakaran dan sumber yang ada pada organisasi-organisasi ini.
- ii. NGO dan CSO boleh dilibatkan dalam perancangan program termasuk sesi pembentangan tentang isu-isu alam sekitar, perkongsian pengalaman dan pengetahuan mereka mengenai amalan terbaik dalam perlindungan alam sekitar.
- iii. Memastikan penajaan hanya diterima daripada entiti yang mempunyai reputasi baik dalam aspek perlindungan alam sekitar. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong inisiatif kelestarian tetapi juga membina hubungan positif antara pengajur, penaja dan masyarakat.

11. Penggunaan Produk Tempatan dan Perkhidmatan Mesra Alam

- i. Penganjur program digalakkan untuk mendapatkan pembekalan produk dan perkhidmatan yang mematuhi kriteria mesra alam berdasarkan Garis Panduan Perolehan Hijau 3.0 seperti pensijilan mesra alam MyHIJAU Mark atau daripada pembekal yang menunjukkan komitmen terhadap kelestarian dan perlindungan alam sekitar.
- ii. Menggalakkan pembelian produk tempatan bukan sahaja membantu mengurangkan pelepasan karbon tetapi juga menyokong ekonomi setempat dan membina hubungan yang lebih baik dengan komuniti.
- iii. Menggalakkan penggunaan bahan pembungkusan makanan dan minuman yang mesra alam seperti plastik biodegradasi,

pembungkusan yang boleh dikompos dan bahan kitar semula dalam usaha mengurangkan sisa plastik.

- iv. Penggunaan bahan pembungkusan berlebihan dalam penyediaan makanan dan minuman perlu dihindarkan, di samping menggalakkan penggunaan bekas yang boleh digunakan semula.

12. Pemantauan dan Pelaporan

- i. Pengajur perlu menggalakkan pelaksanaan program pemantauan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dengan penglibatan tenaga pakar, berdasarkan dokumen panduan SIRIM CFP 091:2020. Panduan ini memberikan garis panduan untuk pengurusan jejak karbon dalam pengendalian program dan mesyuarat.
- ii. Cadangan pemantauan dan pelaporan terhadap pelepasan GHG perlu dilaksanakan **sebelum** mesyuarat diadakan dan merangkumi pelepasan dari penggunaan bahan mentah (*raw material*), tenaga, air dan penghasilan sisa.

5.2 SEMASA PROGRAM / MESYUARAT

1. Pemilihan Lokasi

- i. Menggalakkan pemilihan lokasi mesyuarat di bangunan hijau yang diperakui dan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui adalah langkah penting dalam mencapai kelestarian dan mengurangkan jejak karbon.
- ii. Menetapkan lokasi mesyuarat dengan pencahayaan yang ideal dan memanfaatkan pencahayaan semulajadi, serta mengawal suhu penghawa dingin dalam julat 22 hingga 25 darjah Celsius.

2. Pengangkutan

- i. Untuk menggalakkan mobiliti hijau, penggunaan kenderaan elektrik (EV) adalah digalakkan bagi mengurangkan pelepasan karbon secara signifikan.

- ii. Menggalakkan peserta menggunakan mod pengangkutan awam atau berkongsi kenderaan untuk membantu mengurangkan pencemaran dan kesan karbon secara signifikan.

3. Penyediaan Makanan dan Minuman

- i. Menggalakkan penggunaan sumber makanan yang berasaskan organik dan menyediakan stesen air yang boleh diisi semula bagi mengelakkan penggunaan botol plastik sekali guna di semua lokasi program, kafe dan restoran.
- ii. Melaksanakan pengurusan sisa melalui kaedah kompos atau memberikan sisa makanan kepada badan amal tempatan sebagai langkah mengurangkan pembaziran di samping meningkatkan kesedaran peserta tentang tanggungjawab sosial dan perlindungan alam sekitar.

4. Pengurusan Hotel

- i. Menggantikan botol minuman plastik dengan pili air bertapis (*filtered water tap*) atau botol kaca atau jag air di dalam bilik tetamu atau menyediakan stesen penapis air di luar bilik tetamu sejajar dengan hasrat mengurangkan sisa plastik sekali guna.
- ii. Penggunaan plastik pembalut dalam penyediaan makanan, minuman atau kemudahan lain di hotel digantikan dengan penutup yang boleh diguna semula.
- iii. Tidak menyediakan pinggan, piring, manguk, cawan, penyedut minuman atau kutleri yang bersifat sekali guna kecuali dari bahan mudah terbiodegradasi.

5. Cenderahati

- i. Penyediaan cenderahati untuk perwakilan atau peserta diperbuat daripada bahan semulajadi atau yang bersifat mesra alam, daripada bahan kitar semula atau terbiodegradasi.

6. Pengurusan Sisa

- i. Mengutamakan pemilihan pembekal yang melaksanakan dasar “sifar sisa” dengan mengelakkan penggunaan plastik sekali guna serta menyediakan stesen kitar semula, stesen

pengkomposan dan pengasingan sisa yang betul bagi pengurusan sisa dengan berkesan.

- ii. Menggunakan bahan yang boleh di kitar semula atau terbiodegradasi dalam penyediaan katering dan keperluan program.
- iii. Mengamalkan slogan *Recycle-Reuse-Repurpose-Upcycle* untuk semua sisa serta menghadkan penghantaran sisa ke tapak pelupusan sampah.

7. Kesedaran dan Penglibatan

- i. Menggalakkan penganjuran Kempen Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Am (CEPA) untuk mendidik peserta tentang kepentingan kemampunan dan menggalakkan mereka mengamalkan amalan mesra alam sepanjang program.
- ii. Menyediakan insentif/ hadiah kepada peserta yang berjaya menampilkan elemen kelestarian sepanjang sesi program dan mesyuarat.

8. Pakaian

- i. Menyediakan pakaian untuk Ketua Delegasi yang diperbuat daripada bahan kitar semula. Ini secara tidak langsung dapat mempromosikan kepentingan menggunakan produk kitar semula.
- ii. Amalan penyediaan pakaian untuk acara tunggal dielakkan.
- iii. Menggalakkan pakaian seperti batik dipakai pada mesyuarat ASEAN.

9. Pemantauan dan Pelaporan

Dengan melaksanakan program pemantauan pelepasan gas rumah hijau (GHG), penganjur dapat mengenal pasti sumber utama pelepasan dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkannya.

5.3 SELEPAS PROGRAM

1. Penilaian Selepas Program

- i. Pengukuran impak sepanjang program dengan penggunaan alat pengukuran yang sesuai untuk menilai impak alam sekitar sepanjang program berlangsung, termasuk pelepasan gas rumah hijau (GHG), penggunaan tenaga dan penghasilan sisa.
- ii. Analisis data berkaitan dengan penggunaan sumber seperti air dan tenaga, jumlah sisa yang dihasilkan semasa program dan penyediaan laporan ringkas yang merangkumi hasil pengukuran impak alam sekitar perlu dikongsikan dengan peserta selepas sesi program dan mesyuarat. Ini boleh dilakukan melalui platform media sosial dan saluran komunikasi lain secara efektif.
- iii. Menyediakan medium untuk peserta memberi maklum balas tentang cara meningkatkan kelestarian pada program akan datang.
- iv. Kongsikan amalan terbaik dari mesyuarat terdahulu atau contoh kejayaan lain dalam pengurangan jejak alam sekitar bagi memberi inspirasi kepada peserta.

6. GERAK KERJA

- 6.1 Setiap Kementerian yang terlibat dengan penganjuran Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 perlu menukuhkan satu Jawatankuasa Kerja Kelestarian (*Sustainability Task Force*) yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/ Timbalan Ketua Setiausaha/ Setiausaha Bahagian dan ahli terdiri daripada pegawai Kementerian yang bersesuaian.
- 6.2 Skop Jawatankuasa Kerja Kelestarian adalah:
 - i. Merangka pelan tindakan berdasarkan inisiatif ASEAN Lestari yang digariskan dalam Garis Panduan ini,
 - ii. Membentangkan laporan pelaksanaan dalam Jawawatankuasa Induk peringkat Kementerian; dan
 - iii. Mengemukakan laporan pelaksanaan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

- 6.3 Jawatankuasa Kerja Kelestarian boleh menggunakan Senarai Semak Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari Dalam Kepengerusian ASEAN 2025 yang disediakan seperti di **Lampiran I**.

7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 7.1 Memastikan penganjuran program ASEAN-Malaysia 2025 mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif Asean Lestari Dalam Kepengerusian Asean 2025. Satu laporan pelaksanaan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam selepas program berlangsung.

8. PEMATUHAN

Pelaksanaan Garis Panduan ini tertakluk ke atas pematuhan kepada arahan/ pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa semasa.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Disember 2024

LAMPIRAN I**SENARAI SEMAK****PELAKSANAAN INISIATIF ASEAN LESTARI DALAM KEPENGGERUSIAN ASEAN 2025**

PARA	PERKARA	YA/ TIDAK/ TIDAK BERKAITAN	CATATAN
5.1	SEBELUM PROGRAM		
i)	Dokumen Mesyuarat		
a	Penggunaan Kod QR untuk mengurangkan penggunaan kertas		
b	Lencana dan lanyard yang digunakan dibuat daripada bahan kitar semula		
ii)	Pemilihan lokasi program dan penginapan		
a	Menggalakkan lokasi yang mempunyai pensijilan hijau		
b	Lokasi memiliki kemudahan stesen pengecas kenderaan elektrik jenis AC / DC		
c	Mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang berhampiran		
d	Lokasi dan penyedia perkhidmatan yang menggunakan sumber tempatan		
iii)	Penglibatan peserta		
a	Penganjur perlu menyampaikan inisiatif kemampanan mesyuarat		

b	Menetapkan kod pakaian yang bersetujuan (pemakaian batik digalakkан)		
iv)	Dokumen Digital		
a	Meminimumkan bahan bercetak		
b	Penggunaan aplikasi mudah alih sebagai medium komunikasi dan perkongsian maklumat		
c	Pemakluman awal kepada peserta untuk membawa komputer peribadi dan peranti mudah alih sendiri		
v)	Perkongsian dan Penajaan		
a	Penglibatan NGO, swasta atau organisasi masyarakat civil dalam pengajuran program.		
vi)	Pembelian Produk dan Perkhidmatan Hijau		
a	Produk dan perkhidmatan program daripada pembekal yang mematuhi kriteria mesra alam Garis Panduan Perolehan Hijau 3.0 .		
b	Pembelian produk tempatan.		
c	Penggunaan bahan pembungkusan makanan dan minuman yang mesra alam		
vii)	Pemantauan dan Pelaporan		
a	Program pemantauan pelepasan GHG sebelum mesyuarat dilaksanakan dengan penglibatan tenaga pakar.		
5.2	SEMASA PROGRAM		
i)	Lokasi Mesyuarat		

a	Pemilihan lokasi mesyuarat di bangunan hijau yang diperakui atau telah dipersijilkan				
b	Nyatakan ciri-ciri mesra alam yang ada di lokasi mesyuarat:	i) _____	ii) _____	iii) _____	iv) _____
ii)	Pengangkutan	Kenderaan elektrik (EV) disediakan untuk setiap Ketua Perwakilan.	Menggunakan mod pengangkutan awam atau berkongsi kenderaan menerusi khidmat bas.		
iii)	Penyediaan Makanan dan Minuman				
a	Menu makanan disediakan menggunakan sumber tempatan.				
b	Penyediaan stesen air yang boleh isi semula.				
c	Pengurusan sisa dilaksanakan melalui kaedah kompos sisa.				
iv)	Pengurusan Hotel	Menyediakan pili air bertapis (<i>filtered water tap</i>) dan botol kaca atau jag air.	Makanan dan minuman tidak menggunakan pembalut plastik.		

C	Tidak menyediakan pinggan, piring, mangkuk, cawan, penyedut minuman atau kutleri dari bahan sekali guna.		
v)	Cenderahati		
a	Cenderahati diperbuat daripada bahan semulajadi atau bersifat mesra alam.		
vi)	Pengurusan Sisa		
a	Menggunakan bahan yang boleh di kitar semula atau terbiodegradasi		
b	Mengamalkan slogan <i>Recycle-Reuse-Repurpose-Upcycle</i> untuk semua sisa dan menghadkan penghantaran sisa ke tapak pelupusan sampah		
vii)	Kesedaran dan Penglibatan		
a	Menganjurkan Kempen Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Am (CEPA).		
	Jika ada, mohon nyatakan program tersebut:		
viii)	Pakaian		
a	Menyediakan pakaian untuk Ketua Delegasi yang diperbuat daripada bahan kitar semula.		
b	Amalan penyediaan pakaian untuk acara tunggal dielakkan.		

C	Menggalakkan pakaian seperti batik dipakai pada mesyuarat ASEAN.		
ix)	Pemantauan dan Pelaporan		
a	Menggalakkan program pemantauan pelepasan GHG semasa mesyuarat dilaksanakan dengan penglibatan tenaga pakar		
5.3	SELEPAS PROGRAM		
i)	Penilaian Selepas Program		
a	Mengukur impak alam sekitar sepanjang program berlangsung dan berkongsi hasilnya dengan peserta.		
b	Menyediakan medium untuk peserta memberi maklum balas tentang cara meningkatkan kemampuan.		
ii)	Pemantauan dan Pelaporan		
a	Menggalakkan program pemantauan pelepasan GHG selepas mesyuarat dilaksanakan dengan penglibatan tenaga pakar.		